

NO. SOALAN: 23

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN IGNATIUS DORELL LEIKING
[PENAMPANG]**

TARIKH : 23 OKTOBER 2017

RUJUKAN : 10249

SOALAN :

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan secara terperinci jumlah "Stateless Children" mengikut daerah di seluruh Sabah dan jika cadangan oleh Jawatankuasa (yang ditubuhkan selepas RCI Sabah) akan dapat menyelesaikan masalah "Stateless Children" di Sabah.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setiap kelahiran yang berlaku di Malaysia sama ada dalam kalangan warganegara atau pun bukan warganegara perlu didaftarkan di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN). Dokumen Pendaftaran Kelahiran yang dikeluarkan oleh JPN adalah bukti bahawa kelahiran tersebut telah berlaku di Malaysia, namun ia tidak menyebabkan seseorang individu memperoleh kewarganegaraan Malaysia secara automatik.

Isu penentuan taraf kewarganegaraan yang dihadapi oleh kanak-kanak adalah berpunca daripada isu perkahwinan dan pengenalan diri ibu bapa mereka yang tidak memenuhi peruntukan di bawah Perlembagaan Persekutuan. Justeru, mana-mana individu yang tidak memenuhi kelayakan tersebut akan diberikan status bukan warganegara. Oleh itu, tiada individu yang direkodkan oleh JPN sebagai tidak bernegara (*stateless*).

Berhubung dengan peranan Jawatankuasa Pengurusan Warga Asing di Sabah (JKPWAS) seperti mana yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat pula, Jawatankuasa ini sentiasa mengambil langkah proaktif untuk mengatasi sebarang cabaran dan isu-isu berbangkit dalam melaksanakan pelan tindakan yang dirumuskan oleh Suruhanjaya Siasatan Pendatang Asing di Sabah, termasuk isu golongan bukan warganegara yang tidak mempunyai dokumen pengenalan diri.